

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK RAIME BIN UNGGI**
KAWASAN : **TENOM**
TARIKH : **17.3.2016 (Khamis)**
NO. SOALAN : **13**

SOALAN

YB DATUK RAIME BIN UNGGI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menerusi pemeteraian Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), setakat mana penawaran akses pasaran yang lebih luas kepada pengeksport dan setakat mana berpotensi mewujudkan industri baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Malaysia akan menikmati akses pasaran berkeutamaan khususnya ke 4 pasaran FTA yang

baharu, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru. Negara-negara ini belum mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas dengan Malaysia. Melalui TPP, sebahagian duti import yang pada masa ini dikenakan oleh negara-negara tersebut akan dihapuskan secara serta merta.

2. Sebagai contoh, dengan TPP, duti import bagi hampir 73% daripada eksport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP. Tanpa TPP, hanya 11% daripada eksport tekstil ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar.

3. Selain itu, negara-negara TPP juga akan memansuhkan duti import bagi produk-produk eksport utama Malaysia seperti E&E, barangan getah, minyak sawit, alat ganti automotif, serta produk kayu-kayuan ke pasaran TPP khususnya ke Amerika Syarikat, Kanada, dan Mexico dan Peru.

Tuan Yang Dipertua,

4. Apabila Malaysia menyertai TPP, produk Malaysia akan dapat berdaya saing di pasaran TPP dalam menghadapi persaingan produk dari negara serantau seperti Viet Nam, dan Singapura yang juga merupakan ahli TPP. Usahawan-usahawan tempatan akan dapat mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka dan menyertai rangkaian bekalan global melalui pembekalan kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia atau pun syarikat-syarikat di negara-negara TPP.

5. Mengikut kajian kos faedah oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) adalah dijangkakan bahawa penyertaan Malaysia dalam TPPA membawa manfaat kepada ekonomi dengan peningkatan dalam pertumbuhan KDNK sebanyak USD107-211 bilion sepanjang 2018-2027, pertambahan pelaburan sebanyak USD136-239 bilion serta pertumbuhan eksport sebanyak 0.54-0.90 peratus pada tahun 2027. Di samping itu, TPPA juga dijangka mewujudkan sebanyak 1 hingga 2 juta peluang pekerjaan tambahan menjelang 2027. Antara sektor yang dijangka akan mendapat manfaat dari akses pasaran adalah perniagaan yang berorientasikan eksport seperti tekstil, komponen automotif serta elektrik dan elektronik.

6. Melalui TPP, Malaysia dijangka akan meningkatkan nilai eksport bagi produk dan perabot kayu. Selain daripada negara-negara yang menjadi rakan FTA baharu bagi Malaysia, Jepun juga buat pertama kali menawarkan penurunan dan penghapusan duti import bagi produk kayu, khususnya papan lapis (*plywood*) yang selama ini tidak ditawarkan dalam mana-mana FTA. Malaysia merupakan pengeksport utama ke Jepun.